

'Belum kalah politik'

Oleh SHAROM SUBOH

RAUB, Sabtu — Haji Abdul Rahim Abu Bakar menganggap perletakan jawatan Menteri Besarnya belum lagi merupakan kekalahan dalam arena politik.

Haji Abdul Rahim akan bergiat dalam 'permainan' ini dan akan memastikan dia akan mencapai kemenangan nanti.

Bellau ditemui pemberita selepas merasmikan Sekolah Menengah Batu Talam, petang ini.

Haji Abdul Rahim akan berlepas ke Amerika Syarikat pada 14 November ini.

Bellau menolak dakwaan bahawa pemergiannya ke Ameri-

ka Syarikat sebagai melanjutkan pelajaran.

Menurut Haji Abdul Rahim, beliau akan terus aktif berpolitik sekembalinya dari luar negeri dan akan terus menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Beserah dan Ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Bila ditanya mengenai rancangan masa depannya, Haji Abdul Rahim berkata, beliau menyerahkan segalanya kepada pucuk pimpinan, sama ada akan diminta bertanding bagi kawasan Parlimen Kuantan.

Bellau menyeru rakyat Pahang dan penyokong-penyokongnya menerima keputusan mengenai perletakan ja-

watan ini secara objektif dan tidak emosi dan meminta rakyat Pahang memberi sokongan dan kerjasama penuh kepada Menteri Besara yang baru, Datuk Haji Abdul Rashid Rahman.

Bellau menyeru ahli-ahli UMNO menghentikan pertelingkahan dan perkara remeh temeh bagi mewujudkan suasana perpaduan menjelang pilihanraya akan datang.

Di akhir ucapannya, Haji Abdul Rahim membacakan secebis sajaknya berbunyi:

"Aku faham Ombak,
Aku faham pantal,
aku faham badal,
aku tahu nelayan
yang terkorban,
sebagai orang ke laut,
esok, lusa akan
berdayung ke laut
juga."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia